

19/05/2000

Majlis Aids sokong usaha Kabinet

KUALA LUMPUR, Khamis - Majlis Aids Malaysia (MAM) menyokong tindakan Kabinet untuk bertanggungjawab ke atas kes pemindahan darah yang dicemari virus HIV terhadap seorang suri rumah dari Jitra, Bashah Mustaffa, akhir bulan lalu.

Presiden MAM, Datin Paduka Marina Mahathir berkata, pihaknya turut menyokong keputusan Kementerian Kesihatan mengetatkan kaedah saringan darah untuk mengelakkan kes yang sama berulang.

Katanya, kes ini membuktikan masih ada segelintir masyarakat yang jahil mengenai HIV atau Aids serta cara ia merebak.

"Kita tahu bahawa sesiapa saja berisiko untuk dijangkiti HIV. Bagaimanapun, jangan menilai seseorang itu berdasarkan penyakit yang dihidapi," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini.

Marina berkata, HIV bukan hanya masalah individu tetapi membabitkan keluarga dan masyarakat.

"Oleh itu, Saya berharap masyarakat sekeliling tidak mengamalkan diskriminasi terhadap pengidap HIV yang dianggarkan 33,233 serta keluarga mereka," katanya. Beliau mengulas mengenai kesengsaraan yang terpaksa ditanggung oleh Bashah selepas disahkan menerima darah mengandungi HIV melalui pemindahan darah di Hospital Jitra, akhir bulan lalu.

Berikutan itu, Bashah yang mendedahkan identitinya dalam media semalam, menfailkan saman menuntut ganti rugi sebanyak RM100 juta daripada kerajaan dengan mendakwa sejak kejadian berkenaan, beliau dan keluarganya mengalami tekanan jiwa apabila diberitahu beliau menghidap penyakit yang tiada penawar.

Semalam, Menteri Sumber Manusia yang memangku jawatan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Fong Chan Ong mengarahkan Kementerian Kesihatan mengkaji semula langkah pemindahan darah bagi mengelak kejadian sama berulang.

Marina juga kecewa dengan kegagalan pihak berkuasa memastikan bekalan darah yang didermakan selamat untuk dipindahkan kepada orang lain.

Katanya, pihak berkenaan perlu lebih prihatin dengan memastikan penderma darah berisiko tinggi seperti pengamal seks sejenis (homoseksual) dan penagih dadah tidak menderma darah kerana dibimbangi mengandungi kuman HIV.

"Penerangan lebih berkesan untuk menghalang mereka menderma darah, bagaimanapun, yang paling penting semua darah perlu disaring terlebih dahulu tanpa mengira pengecualian itu.

"Wanita terbabit juga perlu diberi nasihat dan pandangan positif bagi mengelakkan dia berputus asa untuk meneruskan hidup," katanya.

Selain itu, Marina kesal sikap media yang mendedahkan identiti suri rumah itu.

Beliau berkata, sikap media yang terlalu ghairah mencari latar belakang penderma darah terbabit juga seolah-olah menganggap ia kesalahan jenayah sedangkan kesilapan itu kerana kegagalan pihak terbabit menjalankan tugas.

Sementara itu, sempena Hari Memperingati AIDS Sedunia pada 21 Mei ini, Marina meminta masyarakat tidak melupakan kira-kira 2,685 pesakita Aids yang sudah meninggal dunia disebabkan tiada kemudahan rawatan, sokongan moral daripada keluarga dan masyarakat.

Katanya, bilangan pengidap HIV dan Aids di negara ini boleh dikurangkan sekiranya pihak terbabit menyediakan maklumat tepat selain diberi sokongan dan penjagaan rapi.

( END )